

## ARKID ADUAN & PERTANYAAN 2015

### **PERTANYAAN MENGENAI MAJLIS KECEMERLANGAN PEPERIKSAAN**

Assalamualaikum.

saya tidak dapat menghadiri majlis ini pada 18 Mei nanti kerana saya terpaksa menghadiri orientasi bagi biasiswa JPA. Saya mewakilkan abang saya untuk mengambil wang tersebut, dan keperluan apakah yang perlu dia bawa?

### **JAWAPAN KEPADA ADUAN**

Walaikumusalam,

Merujuk kepada perkara diatas, abang saudara perlu menghadirkan diri dengan membawa borang yang berwarna hijau pada 18 Mei 2015 itu nanti. Apabila sesi pembahagian wang tersebut berlangsung, abang saudara perlu pergi kepada Kauter Khas yang disediakan oleh pihak Yayasan Islam Kelantan.

Sekian, harap maklum

### **PERTANYAAN KEPUTUSAN KEMASUKAN KE TINGKATAN 1**

Assalamualaikum

Tuan,

Kami ingin bertanya,keputusan semakan kemasukan tingkatan 1,ambilan 4A1B yang telah selesai menjalani ujian bertulis dan hafazan

Pada 5hb.Jan 2014 lepas untuk penempatan di MTAQ Banggol Chica .

Bila dapat disemak ?

Pemakluman kepada pelajar dan ibu bapa melalui surat atau talipon?

### **JAWAPAN KEPADA ADUAN**

Assalamualaikum,

Merujuk kepada perkara diatas, pihak Yayasan Islam Kelantan berterima kasih serta menghargai minat pihak tuan terhadap sekolah di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan. Untuk pengetahuan pihak tuan, permakluman keputusan tingkatan 1 telah pun dibuat melalui laman web rasmi kami di

<http://www.yik.edu.my/semakan2015/index.php> dan telah pun dimaklumkan melalui facebook Yayasan Islam Kelantan.

Sekian, terima kasih.

### **PERTANYAAN MENGENAI SEWA DEWAN YAYASAN ISLAM KELANTAN**

salam.... dewan kat yik boleh menampung peserta sehingga 500 orang tak? kalau boleh, berapa sewanya? kalau saya berminat utk sewa, saya perlu hubungi siapa?

### **JAWAPAN KEPADA ADUAN**

Walaikumusalam,

Merujuk kepada pertanyaan pihak tuan, sewa bagi Dewan Yayasan Islam Kelantan adalah berjumlah RM800. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai Dewan tersebut, tuan boleh menghubungi En. Wan Mohd Rashidy Bin Wan Abdullah pada talian 0139876103.

Sekian, terima kasih.

### **PERTANYAAN KEPUTUSAN KEMASUKAN KE TINGKATAN 1 DAN UJIAN KEMASUKAN**

Assalamualaikum wbt..

Saya ingin bertanya mengenai permohonan ke Maahad Tahfiz Sains (perempuan) iaitu MTS Tanah Merah. Adakah borang permohonan masih perlu di ambil di pejabat YIK/Maahad Kawalan ( borang manual) atau boleh di buat permohonan secara talian (online) melalui website mtstm.edu.my ....

Jika masih menggunakan borang manual, adakah "Borang Kemasukan Pelajar Tingkatan Satu, Maahad Kawalan, Yayasan Islam Kelantan" yang di download melalui format PDF secara atas talian boleh digunakan...

sebab saya mempunyai masa yang terhad untuk membuat permohonan tersebut kerana pada awal cuti persekolahan, kami sekeluarga kemungkinan akan menunaikan ibadah Umrah. Jika boleh dibuat secara online, ini memudahkan urusan kami.

Sekian, semoga mendapat jawapan dari pihak Tuan.

Syukran

### **JAWAPAN KEPADA ADUAN**

Walaikumusalam,

Merujuk kepada pertanyaan puan, borang permohonan masuk ke tingkatan 1 masih lagi digunakan secara manual. Borang tersebut akan dibuka selepas keputusan UPSR dikeluarkan, dan pihak kami akan mewar-warkan di facebook dan portal rasmi Yayasan Islam Kelantan apabila borang permohonan tersebut dibuka. Manakal ujian bagi kemasukan ke tingkatan 1 akan dilakukan pada hujung bulan November 2015.

Sekian, terima kasih.

#### **PERTANYAAN RAYUAN KEMASUKAN KE TINGKATAN 1**

assalamualaikum Saya mohon untuk rayuan kemasukan anak ke tingkatan 1 bagi sesi 2016. boleh tak senarai yg diperlukan untuk buat rayuan terima kasih. perlu bantuan .tarikh tutup rayuan bila

#### **JAWAPAN KEPADA ADUAN**

Walaikumusalam,

Untuk membuat rayuan permohonan kemasukan ke tingkatan 1, puan perlu membuat surat rayuan kepada pengarah Yayasan Islam Kelantan dan hantarkannya kepada Unit HEM (Hal Ehwal Murid) di Pejabat Yayasan Islam Kelantan, Nilam Puri bersama keputusan UPSR anak puan.

Sekian, terima kasih

#### **PERTANYAAN RAYUAN KEMASUKAN KE TINGKATAN 4**

as salam,

sy nak mendaftar anak saya di tingkatan 4 . boleh atau tidak dan apakah syarat-syaratnya.

terima kasih

#### **JAWAPAN KEPADA ADUAN**

Walaikumusalam,

Kemasukan ke Tingkatan 4 akan dijalankan pada MINGGU PERTAMA & KEDUA JANUARI 2016. Untuk maklumat lanjut sila hubungi pegawai kami di Unit HEM (Hal Ehwal Murid) di talian 09-7126315 sambungan 232

Sekian, terima kasih

## **PERTANYAAN PERMOHONAN BIASISWA DAN PINJAMAN**

macamana saya nak cetak permohonan bantuan ipt saya kalau saya tak ada no rujukan ? Dan dari mana saya boleh check no rujukan saya ?

## **JAWAPAN KEPADA ADUAN**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Tuan / Puan,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Untuk makluman pihak tuan/puan, Yayasan Islam Kelantan atau YIK tidak menyediakan sebarang pinjaman pengajian dan biasiswa. Yayasan Islam Kelantan adalah merupakan organisasi menguruskan persekolahan sekolah-sekolah agama di Negeri Kelantan.

Manakala pihak yang bertanggungjawab menguruskan biasiswa dan pinjaman pengajian adalah Yayasan Kelantan Darul Naim atau YAKIN. Maklumat lanjut boleh didapati di <http://www.yakin.kelantan.gov.my/>.

Berikut adalah maklumat mengenai Yayasan Kelantan Darul Naim:

Alamat: Yayasan Kelantan Darul Naim, Tingkat 5, Kompleks YAKIN, Jalan Gajah Mati, 15000 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

Tel : 09-748 3213. Fax : +609-744 9085. Emel: [yakin\\_ykd@kelantan.gov.my](mailto:yakin_ykd@kelantan.gov.my). Facebook YAKIN : <https://facebook.com/profile.php?id=392237980829649>

Sekian, terima kasih.

## **PERTANYAAN MENGENAI PELAJAR DARI NEGERI LAIN MEMOHON UNTUK MEMASUKI SEKOLAH YAYASAN ISLAM KELANTAN**

1. Bolehkah murid sekolah rendah dari negeri Pulau Pinang masuk ke Maahad Muhammadi (lelaki)?

2. Bagaimana cara dan syarat-syaratnya?

Sekian terima kasih

## **JAWAPAN KEPADA ADUAN**

Assalamualaikum, Merujuk perkeliling syarat kemasukan pelajar ke Maahad Muhammadi adalah mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR, berjaya dalam ujian kemasukan tingkatan 1. Tuan boleh mendapatkan maklumat lanjut dengan menghubungi 09-7126315 sambungan 232 (Unit Hal Ehwal Murid)